ANUAR AFANDI

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NIK HASHIM H
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-17-1998]
23 OKTOBER 1999

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 408 - Pecah amanah jenayah oleh kerani - Elemen-elemen perlu - Samada dibuktikan di luar keraguan munasabah - Tiada keterangan perayu diserahkan wang tunai - Samada pengamanahan dibuktikan - Buku Akaun - Samada Buku Akaun per se tanpa disokong keterangan lisan mencukupi untuk membuktikan pengamanahan*

Perayu, seorang kerani di Dewan Bahasa dan Pustaka ('DBP'), dituduh melakukan pecah amanah wang sebanyak RM132,151.24 di bawah s. 408 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Mengikut pertuduhan, wang tersebut adalah sebahagian dari hasil jualan buku di kedai buku DBP. Di hadapan hakim perbicaraan bijaksana, pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan, antara lain bahawa: (i) perayu adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk mengutip hasil jualan di kedai buku tersebut; dan (ii) mengikut buku Catatan Akaun hasil jualan ('P6'), yang ditandatangani oleh perayu, terdapat kekurangan hasil kutipan jualan berjumlah RM132,151.24. Tidak dinafikan bahawa catatan-catatan di dalam P6 adalah dibuat oleh empat orang juru jual di kedai buku tersebut. Walaupun begitu, hanya seorang dari empat juru jual tersebut dipanggil oleh pendakwa untuk memberi keterangan bagi mengesahkan catatan di P6, sementara yang lainnya hanya ditawarkan kepada pembela.

Hakim Sesyen mensabitkan perayu seperti pertuduhan dan menjatuhkan hukuman penjara 4 tahun dan 3 sebatan ke atas perayu, dan perayu merayu. Fakta menunjukkan bahawa di hadapan hakim rayuan, pihak pendakwa mengakui bahawa jumlah RM132,151.24 seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan adalah silap, dan jumlah sebenar menurut keterangan ialah RM132,901.24. Dengan halkeadaan sedemikian, di hadapan hakim rayuan bijaksana, isu-isu telah berbangkit: (i) samada pihak pendakwa perlu membuktikan jumlah sebenar RM132,151.24 yang dipecah amanahkan; (ii) samada pertuduhan boleh dipinda diperingkat rayuan bagi menunjukkan jumlah sebenar yang dipecah amanahkan; (iii) samada catatan dalam P6, tanpa keterangan lisan saksi-saksi mengenainya, cukup untuk membuktikan pengamanahan; dan (iv) samada pihak pendakwa berjaya membuktikan kes melepasi keraguan munasabah terhadap perayu.

Diputuskan:

[1] Pihak pendakwa perlu membuktikan tiga elemen, iaitu: (i) tertuduh pada masa yang dinyatakan ialah seorang kerani; (ii) tertuduh diamanahkan dengan suatu harta atau dengan penguasaan ke atas harta; dan (iii) tertuduh melakukan pecah amanah terhadap harta tersebut. Pendakwa mesti membuktikan elemen-elemen ini melepasi keraguan yang munasabah.

[2] Jumlah wang sebenar, iaitu RM132,151.24, yang mana perayu telah dituduh melakukan pecah amanah, hendaklah dibuktikan dengan tepat. Jika tidak, kesalahan pecah amanah atas jumlah wang tersebut tidak boleh dikata sebagai telah dibuktikan.

[2a] Oleh kerana jumlah RM132,151.24 seperti yang disebut dalam pertuduhan adalah silap dan jumlah yang betul ialah RM132,901.24, mahkamah perbicaraan telah silap dalam menerima keterangan SP9 (berhubung angka yang silap tersebut) tanpa memuaskan hatinya terlebih dahulu bahawa perkiraan jumlah wang yang hilang yang dinyatakan oleh SP9 itu adalah tepat dan betul. Walaupun jumlah RM132,151.24 dalam pertuduhan adalah lebih rendah daripada jumlah RM132,901.24 sebagaimana keterangan, tidak bererti bahawa pendakwa tidak perlu membuktikan jumlah wang sebenar yang telah dipecah amanahkan dengan tepat seperti pertuduhan.

[3] Tiada keterangan bahawa perayu telah diserahkan dengan wang tunai pada tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam P6. Juga, tidak ada saksi yang memberi keterangan lisan atas apa yang dicatat di P6 yang melibatkan perayu. Pihak pendakwa, dengan itu, telah gagal membuktikan pengamanahan hasil jualan sebanyak RM131,151.24 oleh mana-mana jurujual kedai buku DBP kepada perayu pada tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam P6.

[3a] Dalam ertikata lain, pergantungan pihak pendakwa kepada P6 dan tandatangan perayu di dalamnya semata-mata tanpa saksi-saksi sendiri memberi keterangan terus, dan mengecamkan catatan yang mereka buat dan mengenali tandatangan perayu pada setiap catatan pada hari-hari berkaitan dalam P6 dengan nyata, adalah tidak mencukupi untuk membuktikan elemen pengamanahan, iaitu perayu telah diamanahkan dengan sejumlah wang sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan. Catatan akaun dalam P6 adalah keterangan dengar cakap dan tidak boleh diterima sebagai keterangan.

[4] Tarikh '5 Januari 94' yang dikaitkan dengan perayu seperti dalam pertuduhan tidak wujud samasekali dalam P6. Tarikh tersebut tidak dapat disokong dengan mana-mana keterangan kerana tarikh dalam P6 ditulis sebagai '5 Januari 93'. Oleh sebab itu, pertuduhan adalah cacat dan meragukan dan tidak dapat dipertahankan.

[5] Mahkamah tidak boleh meminda pertuduhan di peringkat rayuan. Ini kerana sesuatu pindaan hendaklah dibuat sebelum penghakiman diberi oleh mahkamah perbicaraan.

[6] Walaupun tiada keraguan bahawa perayu adalah seorang kerani di DBP pada tarikh yang berkaitan, berdasarkan keterangan, elemen-elemen kedua dan ketiga kesalahan telah tidak dibuktikan. Keterangan yang ada gagal membuktikan hingga ke peringkat melepasi keraguan yang munasabah bahawa perayu telah diamanahkan dengan sejumlah wang RM132,151.24 seperti dalam pertuduhan.

[Sabitan dan hukuman diketepikan; perayu dibebas dan dilepaskan.]

Kes yang dirujuk:
Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 ***(dirujuk)***
Yoong Hock Pin v. PP [1977] 1 MLJ 178 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Penal Code, s. 408
Criminal Procedure Code, s. 158(i)
Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1997, s. 4

Sumber yang dirujuk:
Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes, 1998, edisi 24, ms 2002

Bagi pihak perayu - Mohamad Fozi Mohd Zain; T/n Fozi & Partners
Bagi pihak PP - Ganesan Somasundrum TPR

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:

Prakata

Perayu, seorang pegawai kerani di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah disabitkan atas kesalahan pecah amanah wang sebanyak RM132,151.24 di bawah s. 408 Kanun Keseksaan (KK) dan telah dihukum penjara selama empat tahun dan tiga sebatan. Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman.

Kes Pendakwaan

SP1, Pengarah Pentadbiran Personel dan Kewangan DBP, telah membuat satu laporan polis ekoran satu laporan audit dalaman bahawa terdapat kehilangan hasil jualan buku-buku di kedai buku DBP sejumlah wang sebanyak RM219,106.63. Jumlah wang tunai yang terbabit ialah amaun perbezaan antara kutipan yang dicatat dalam buku Penyata Harian (P6) dengan amaun dalam resit-resit (P21 (1-73)) yang telah dikeluarkan oleh unit terimaan bahagian kewangan.

SP9, Penolong Akauntan Audit Dalaman, telah mengesahkan kekurangan wang hasil itu dengan membandingkan butiran-butiran dalam P6 dengan P21 (1-73) yang bertarikh 5 Januari 1994 hingga 24 Oktober 1994 dan jumlah kekurangan yang perayu terlibat ialah RM132,151.24.

Adalah menjadi kes pendakwaan bahawa pertuduhan ini berasaskan kepada tanggungjawab eksklusif perayu yang telah diberi tugas untuk "mengambil dan memastikan hasil jualan harian kedai buku" dan wang itu hendaklah diserahkan ke unit terimaan. Pihak pendakwa juga mengatakan bahawa pada tarikh-tarikh yang disebut dalam P21 (1-73) dan tarikh-tarikh yang disebut dalam P6, orang yang menandatangani sebagai orang yang diserahkan wang tunai dalam P6 ialah perayu.

Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen

Dalam alasan penghakimannya di ms 584 hingga 605 rekod, hakim Mahkamah Sesyen di ms 591 dan 592 telah berkata:

> SP9 dalam keterangannya memberitahu bahawa pada kesemua tarikh-tarikh yang tandatangan Tertuduh (Perayu) di eksibit P6 dicam oleh SP10 dan SP7 wang kutipan hasil jualan kedai buku adalah lebih tinggi jumlahnya dari jumlah yang tercatat di resit-resit rasmi. Dari hasil siasatan yang dilakukan itu, SP9 mendapati yang jumlah kekurangan kesemua hasil kutipan kedai buku yang mana melibatkan Tertuduh ialah sebanyak RM132,151.24.
>
> Dari keterangan-keterangan yang dinyatakan di atas, adalah sangat ketara dan tiada sebarang keraguan yang Tertuduh adalah Pembantu Tadbir yang membuat kutipan hasil jualan kedai buku pada tarikh-tarikh berkenaan. Ini ialah kerana tandatangan Tertuduh yang terdapat pada tarikh-tarikh berkenaan di buku penyata harian kedai buku (exhibit P6) telah dikenalpasti oleh SP10 dan SP7 ...
>
> Oleh itu pada tarikh-tarikh berkenaan apabila Tertuduh membuat kutipan hasil jualan dari kedai buku, maka Tertuduh adalah diamanahkan dengan penguasaan ke atas wang kutipan tersebut.

Seterusnya pihak pendakwa telah menunjukkan tanpa sebarang keraguan yang Tertuduh telah menyalahgunakan wang kutipan hasil kedai buku yang diamanahkan kepadanya. Penyalahgunaan wang ini dapat dilihat bila jumlah lebih rendah dari apa yang dicatat di kolum tunai di eksibit di P6 diserahkan ke unit terimaan seperti yang dapat dilihat dari resit-resit rasmi (eksibit P21 (1-73)).

Hakim perbicaraan seterusnya di ms 596 telah berkata:

Dengan terbuktinya bahawa terdapat kekurangan hasil kutipan jualan dan kedai buku seperti yang dinyatakan sebelum ini, maka keadaan ini adalah mencukupi bagi membuat inferens yang Tertuduh mempunyai niat curang. Ini ialah kerana dengan kerugian yang Dewan Bahasa dan Pustaka alami bila jumlah hasil jualan kedai buku yang kurang diserahkan oleh Tertuduh, dan Tertuduh memperolehi tambahan wang salah (wrongful gain), maka Tertuduh sememangnya berniat curang.

Berdasarkan segala faktor-faktor yang disebut di atas, pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa Tertuduh telah dengan niat curang menyalahgunakan wang kutipan jualan kedai buku. Oleh itu segala intipati yang diperlukan di bawah pertuduhan seksyen 408 Kanun Keseksaan telah dibuktikan melepasi batas keraguan munasabah. Dengan itu Tertuduh dipanggil untuk memberi pembelaannya.

Hujah Perayu

Peguambela bagi pihak perayu, antara lain telah mengemukakan dua alasan bagi menyokong rayuannya, iaitu:

(i) Pihak pendakwa telah gagal membuktikan pengamanahan hasil jualan sebanyak RM132,151.24 oleh mana-mana jurujual kedai buku DBP kepada perayu pada tarikh-tarikh yang berkaitan. Oleh itu, keterangan atas catatan jualan dan jumlah kutipan dalam P6 tanpa keterangan lisan daripada saksi-saksi yang membuat catatan tersebut adalah keterangan dengar cakap dan dengan itu ia tidak boleh diterima sebagai bukti.

(ii) Sekiranya pengamanahan telah dibuktikan sekalipun, pihak pendakwa masih gagal membuktikan bahawa perayu adalah orang yang melakukan pecah amanah, kerana dua orang saksi Suzana dan Siti Haslinda, yang kepada mereka perayu telah menyerahkan hasil jualan dan mengeluarkan resit-resit (P21 (1-73)) penerimaan wang daripada perayu, tidak dipanggil memberi keterangan untuk melengkapkan kes pendakwaan.

Hujah Pihak Pendakwa

Dalam jawapannya, Timbalan Pendakwa Raya berhujah bahawa elemen pengamanahan telah dibuktikan melalui keterangan tugas dan tanggungjawab perayu yang dinyatakan oleh SP8 dan pengecaman tandatangan perayu dalam P6 oleh SP7. Keterangan SP7 pula disokong oleh SP10.

Mengenai kegagalan pihak pendakwa tidak memanggil dua orang saksi memberi keterangan, Timbalan Pendakwa Raya mengatakan hakim Mahkamah Sesyen adalah betul dalam penghakimannya bahawa dua orang kerani itu adalah bukan saksi yang material. Oleh itu, Timbalan Pendakwa Raya pohon supaya rayuan ditolak.

Keputusan

Kesalahan pecah amanah di bawah s. 408 KK adalah diperuntukkan seperti berikut:

> Whoever, being a clerk, ... and being in any manner entrusted in such capacity with property, or with any dominion over property, commits criminal breach of trust **in respect of that property**, shall be punished with imprisonment for a term which shall not be less than one year and not more than ten years and with whipping, and shall also be liable to fine. (tekanan diberi)

Bagi kesalahan di atas, pihak pendakwa mestilah membuktikan elemen-elemen bahawa:

(i) Tertuduh pada masa yang dinyatakan ialah seorang kerani.

(ii) Tertuduh telah diamanahkan dengan suatu harta atau dengan penguasaan ke atas harta; dan

(iii) Tertuduh telah melakukan pecah amanah terhadap harta tersebut.

Persoalan sekarang ialah sama ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesemua elemen di atas terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah di akhir kes pendakwaan. Beban pembuktian ke atas pihak pendakwa ialah bukti yang melepasi keraguan yang munasabah kerana kes ini telah berlaku pada tahun 1994 iaitu sebelum 31 Januari 1997 (sila lihat s. 4 Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1997: *Arulpragasan a/l Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 MLJ 1).

Bagi elemen pertama, keterangan yang ada menunjukkan dengan jelas bahawa perayu ialah seorang kerani di DBP pada tarikh yang berkaitan, sepertimana keterangan SP1 di ms 28 rekod. Isu ini tidak dipertikaikan.

Dalam alasan penghakimannya, hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan segala elemen yang diperlukan di bawah s. 408 KK bahawa perayu telah dengan niat curang menyalahgunakan wang kutipan jualan kedai buku DBP.

Selepas mendengar hujah-hujah dari kedua belah pihak dan meneliti segala keterangan saksi-saksi serta exhibit-exhibit yang telah dikemukakan, saya dapati elemen kedua dan ketiga kesalahan telah tidak dibuktikan. Keterangan yang ada tidak berjaya membuktikan hingga ke peringkat melepasi keraguan yang munasabah bahawa perayu telah diamanahkan dengan sejumlah wang RM132,151.24 seperti dalam pertuduhan. Jumlah wang tersebut adalah salah. Timbalan Pendakwa Raya sendiri telah mengira atas arahan mahkamah dan mengakui bahawa jumlah RM132,151.24 adalah tidak betul, yang betulnya menurut keterangan ialah RM132,901.24. Jadi, mahkamah perbicaraan telah silap dalam menerima keterangan SP9 tanpa memuaskan hatinya terlebih dahulu bahawa perkiraan jumlah wang yang hilang yang dinyatakan oleh SP9 itu adalah tepat dan betul. Jumlah wang sebenar iaitu RM132,151.24 yang mana perayu telah dituduh melakukan pecah amanah hendaklah dibuktikan dengan tepat. Walaupun jumlah RM132,151.24 dalam pertuduhan adalah lebih rendah daripada jumlah RM132,901.24 sebagaimana keterangan, ia tidak bererti pihak pendakwa tidak perlu membuktikan jumlah wang sebenar yang telah dipecah amanahkan dengan tepat sepertimana pertuduhan. Perayu telah dituduh melakukan pecah amanah atas sejumlah wang sebanyak RM132,151.24. Jadi, pihak pendakwa mesti mengemukakan keterangan bahawa perayu telah melakukan pecah amanah terhadap wang sebanyak itu. (whoever ... commits criminal breach of trust in respect of that property ...). Jika tidak, kesalahan pecah amanah atas sejumlah wang tersebut tidak dapat dibuktikan.

Lagipun, tarikh '5 January 1994' yang dikaitkan dengan perayu seperti dalam pertuduhan tidak wujud sama sekali dalam buku P6. Tarikh tersebut tidak dapat disokong dengan mana-mana keterangan. Tarikh dalam buku P6 telah ditulis dengan tarikh '5 January 1993' dan bukan dengan tarikh '5 January 1994'. Oleh sebab itu, pertuduhan sedemikian rupa adalah cacat dan meragukan, dan sudah tentu, ia tidak dapat dipertahankan.

Adalah prinsip undang-undang yang sudah menjadi mantap bahawa mahkamah ini tidak boleh meminda pertuduhan di peringkat rayuan. Ini adalah kerana sesuatu pindaan itu hendaklah dibuat sebelum penghakiman diberi oleh mahkamah perbicaraan dan pindaan itu memerlukan ia dibaca dan diterangkan kepada tertuduh (sila lihat s. 158(i) dan (ii) Kanun Prosedur Jenayah (FMS Cap 6). Dalam kes ini, oleh kerana penghakiman telahpun diberi oleh hakim perbicaraan, maka pindaan kepada pertuduhan pada peringkat rayuan tidak boleh dibuat lagi.

Dalam kes *Yoong Hock Pin v. Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 178, Mahkamah Persekutuan terdahulu telah berkata:

> The learned judge found "some doubt as to the actual sum handed over to the accused on May 1, 1972". He found, however, that money received on May 1, 1972 from PW8 amounting to $392.21 had not been banked and varied the conviction to one of criminal breach of trust of that sum instead of the sum of $1,404.85", dan Mahkamah Persekutuan seterusnya memutuskan:
>
> > We do not think that it was competent for the learned judge on appeal to amend a charge and refer to the case of *Quek Ching Kim v. Reg* [1956] MLJ 54.

Selain daripada itu, saya dapati tidak ada langsung keterangan bahawa perayu telah diserahkan dengan wang tunai pada tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam P6. Tidak ada saksi yang memberi keterangan secara lisan atas apa yang dicatatkan dalam buku P6 yang melibatkan perayu. Dalam hal ini, saya bersetuju dengan hujah peguambela bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan pengamanahan hasil jualan sebanyak RM132,151.24 oleh mana-mana juru jual kedai buku DBP kepada perayu pada tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam P6. Menurut penyelia kedai buku DBP, SP5 (ms 71 perenggan E) terdapat empat orang juru jual sepanjang tahun 1994. Kecuali SP7, tiga orang lagi juru jual tidak dipanggil memberi keterangan, walaupun mereka telah ditawarkan kepada pembelaan di akhir kes pendakwaan. Tawaran saksi-saksi kepada pihak pembela tanpa mereka memberi keterangan adalah tidak mempunyai apa-apa nilai dari segi keterangan, kerana adalah bukan kewajipan pihak pembelaan untuk melengkapkan kes pendakwaan. Memang menjadi tanggungjawab pihak pendakwa untuk membuktikan kesnya terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah bahawa perayulah yang melakukan pecah amanah terhadap wang tersebut. SP7, walaupun telah memberi keterangan, tidak pula disuruh mengecamkan catatan yang telah ditulis dalam P6. Beliau (SP7) tidak dapat mengatakan siapakah juru jual yang telah membuat penyerahan wang hasil jualan kepada siapa pada bulan Januari hingga Oktober 1994 (ms 112 perenggan B-C). Jadi, pergantungan pihak pendakwa kepada keterangan catatan akaun dan tandatangan perayu dalam P6 semata-mata tanpa saksi-saksi sendiri memberi keterangan terus, dan mengecamkan catatan yang mereka buat dan mengenali tandatangan perayu pada setiap catatan pada hari-hari berkaitan dalam P6 dengan nyata, adalah tidak mencukupi untuk membuktikan elemen pengamanahan, iaitu perayu telah diamanahkan dengan sejumlah wang sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan. Catatan akaun dalam PG sebagaimana dikemukakan adalah keterangan dengar cakap dan oleh itu, ia tidak boleh diterima sebagai keterangan. Pernyataan akaun dalam P6 tidak boleh menerangkan maksudnya sendiri. Ia perlu dibuktikan melalui keterangan lisan saksi-saksi. Buku *Ratanlal & Dhirajlal's Law of Crimes*, 24 Edn 1998 di bawah tajuk: 19. Burden of Proof di ms 2002 menyatakan:

Mere enteries in books of account without any oral evidence as to the nature of business and the mode of keeping account is not sufficient to prove entrustment.

Oleh sebab elemen pengamanahan tidak dapat dibuktikan, maka elemen ketiga kesalahan itu tidak perlu diberi pertimbangan. Walau apa-apapun, saya ingin membangkit suatu perkara yang tidak kurang pentingnya, iaitu kegagalan pihak pendakwa memanggil dua orang kerani: Suzana dan Siti Haslinda memberi keterangan. Mereka juga telah ditawarkan kepada pihak pembela tanpa mereka memberi keterangan lisan. Tawaran mi tidak bernilai sedikitpun. Mereka ini, yang serupa juga dengan tiga orang juru jual yang tidak dipanggil memberi keterangan, adalah material dan genting untuk melengkapkan kes pendakwaan dan menutup lompang yang ada. Mereka ialah orang yang telah menerima wang kutipan yang dikatakan telah diserahkan oleh perayu, dan sekiranya ada kekurangan dalam jumlah wang yang mereka telah terima dengan kutipan yang telah dibuat oleh perayu, maka mereka sudah tentu, melalui laporan komputer kedai buku (yang tidak dikemukakan sebagai exhibit), akan dapat menentu dan mengesahkan kedudukan wang dan kekurangannya yang sebenar, sekiranya ada. Kemungkinan perayu telah menyerahkan semua kutipan kepada mereka tidak boleh dikesampingkan. Kemungkinan dua orang kerani itu yang menyalah gunakan wang yang telah diserahkan oleh perayu tidak boleh juga diketepikan. Keterangan SP6, ketua kepada dua orang kerani itu, tidak cukup bagi maksud hendak menutup kemungkinan-kemungkinan tersebut, kerana beliau hanya dapat mengesahkan resit-resit (P21 (1-73)) yang telah dikeluarkan oleh kerani-kerani itu dan tidak boleh mengesahkan jumlah wang sebenar yang telah diterima oleh kerani-kerani itu daripada perayu.

Pada keseluruhannya, kes pendakwaan adalah lemah dan tidak lengkap. Elemen kesalahan terhadap perayu tidak dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi secara terus. Kes pendakwaan telah mengalami lompang yang amat luas yang tidak dapat ditutup dengan keterangan yang ada. Keterangan yang berasaskan kepada tanggungjawab eksklusif perayu dengan sendirinya tidak mencukupi untuk menyokong pertuduhan ini. Justeru, suatu kes pecah amanah di bawah s. 408 KK tidak dapat diwujudkan terhadap perayu. Hakim perbicaraan yang terpelajar telah tersilap apabila beliau memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah pada akhir kes pendakwaan, dan memanggil perayu membela diri, sedangkan keterangan dihadapannya, tidak sedikitpun menyokong keputusan tersebut. Jadi, rayuan mesti dibenarkan, sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Sesyen diketepikan. Perayu dengan ini dibebas dan dilepaskan.